

BAB 2

CERITA-CERITA PANJI

2.1. PENGERTIAN CERITA-CERITA PANJI

Istilah 'Panji' sering menjadi topik perdebatan di kalangan para pengkaji cerita-cerita Panji. Pelbagai tanggapan diberikan terhadap makna yang ada di sebalik kata 'Panji' itu. J. Brandes semasa menyusun katalog manuskrip di Jawa, Bali dan Sasak memetik kenyataan Van Der Tuuk tentang kata 'Panji' itu ketika beliau membicarakan cerita Panji Malat.

"The word 'Panji' is so popular in Malay, Javanese and Balinese literature, is not the name of a hero, but simply means a surname or adopted name. The name Apandja Malat Rasmi means, having a surname of the conqueror of beauties."¹

Van Der Tuuk dengan jelas menganggap bahawa kata 'Panji' itu hanyalah gelaran yang digunakan oleh watak-watak di dalam cerita-cerita Panji. Kemudian di dalam tahun 1932, Juynboll pula memberikan definisi yang hampir sama dengan yang diberikan oleh Van Der Tuuk itu.

¹ J. Brandes. 1903. *Beschrijving der Javaansche, Balineesche en Sasaksche Handschriften*; Landsdrukkerij; 1903 hal.136

"Apanji/panji : bijnaam (yakni nama keluarga atau surname)
: bijgenaam verkregen een titel
(nama samaran atau gelaran atau titel)²

Namun begitu, kenyataan ini tidak begitu di persetujui oleh para sarjana lain. Umpamanya T.H Pigeaud menyatakan bahawa;

"Panji" atau 'Apanji' is an old title. As usual its value fluctuated through the times. In the fourteenth and fifteenth centuries in Majapahit kingdom, it was a title of princes of the blood. So the hero who appeared in the romantic tales written in this period or shortly afterwards was given the title 'Panji', Prince, which soon used as a name."³

Ringkasnya Pigeaud ingin menyatakan bahawa makna kata 'Panji' itu telah berubah mengikut perkembangan masa. Alasan beliau ialah bahawa kata 'Panji' itu pernah digunakan sebagai gelaran kepada anak-anak raja, putera raja ("prince") di zaman Majapahit di dalam abad ke 14M dan ke 15M. Kemudian istilah tersebut telah diambil dan dijadikan gelaran kepada watak-watak wira di dalam roman-roman Panji.

² Juynboll H. 1932. *Oudjavaansche-Nederlandsche Wordenlijst*.
E.J. Brill. Leiden.hal.330

³ T.H. Pigeaud .1967. *Literature of Java. vol.1.* The Hague.
M.Nijhoff.hal.206

Pendapat Pigeaud ini sama dengan pandangan yang pernah diberikan oleh Rassers (1922), Poerbatjaraka (1940) dan dipersetujui oleh Robson (1978). Mereka sepakat menyatakan bahawa gelaran itu telah digunakan oleh raja-raja Jawa sejak zaman Kediri lagi. Alasan mereka ini diperkuuhkan oleh adanya inskripsi-inskripsi zaman Kediri. Rassers umpamanya menyatakan istilah 'Panji' itu diambil daripada watak raja Kediri iaitu Raja Kameshwara I(1117- 1130M), kerana baginda pernah di gelar 'Raden Panji' di dalam **Kakawin Smaradhana** karya Mpu Dhramadja.

"En omtrent de vereenzelviging van Kamesjwara met Pandji merkt hij op, dat blijkens zang 1, strofje 6, pada 1 van het gedicht, de eerste ook den titel 'Pandji' voert...Hij conculdeert dan: " Als de overlevering nu zegt dat de echtgenoot van Candra Kirana Panji is, en als wij nu weten dat Ratu Kirana de vrouw is van koning Kamescwara I, die zich ook 'Panji' of beter 'Apanji' noemt, dan bestaat m.i alle reden om aan te nemen dat Koning Kamescwara I inderdaad de Raden Panji van de overlevering is...."⁴

Di dalam kenyataan ini, Rassers menegaskan bahawa watak Panji di dalam roman-roman Panji sebenarnya didasarkan kepada Raden Panji yakni Raja Kameshwara I. Ini bersesuaian dengan makna **Kameshwara** yang membawa pengertian 'Tuan Percintaan'. Makna tersebut mempunyai kaitan rapat dengan watak Panji di dalam cerita-cerita Panji kerana sering digambarkan sebagai seorang jejaka yang bijak berasmara.

⁴ .Rassers W.H. 1922 **De Pandji Roman**. Boekdrukkerij. Antewerpen.
hal.138-139

Begitu juga pendapat Poerbatjaraka yang menyokong kesimpulan Rassers itu dan menyatakan bahawa watak Candera Kirana di dalam cerita Panji pula dirujuk kepada Kirana Ratu yakni puteri Daha yang menjadi permaisuri Kameshwara I.⁵ Kedua-dua tokoh ini menyetujui bahawa gelaran 'Panji' itu pernah digunakan oleh raja-raja Jawa sejak zaman Kediri lagi. Poerbatjaraka ada menyebut bahawa urutan raja Jawa yang ke 35 juga telah menggunakan nama 'Panji'.⁶

Namun begitu, kesimpulan-kesimpulan yang dibuat oleh kedua-dua tokoh ini tidak begitu dipersetujui oleh C.C Berg.⁷ Baginya watak Panji di dalam cerita-cerita Panji itu lebih cocok dengan Ratu Hayam Wuruk yang memerintah Majapahit pada pertengahan kurun yang ke 14M.

Walau apapun alasan dan hujahan para sarjana ini, mereka sebenarnya masih di atas landasan yang sama yakni meyakini bahawa kata 'panji' itu adalah gelaran yang telah digunakan oleh putera-putera raja Jawa. Ini sesuai dengan makna kedua yang diberikan oleh S.Parawiroadmodjo di dalam **Bausastra Jawa - Indonesia** yang mendefinisikan 'Panji' sebagai;

⁵ .Poerbatjaraka dan Tardjan Hadidjaja. 1952. **Kepustakaan Djawa** Penerbit Djambatan. Jakarta. hal.21-22

⁶ ibid.

⁷ .lihat C.C Berg (terj.S.Gunawan).1974. **Penulisan Sejarah Jawa.** Bhratara. Jakarta.hal.102

1. Bendera
2. gelaran bangsawan, nama pangkat di dalam ketenteraan yang setingkat dengan Wedana.⁸

Robson ketika membicarakan cerita Panji - **WW** pula mengambil makna pertama yang diberikan oleh Parawiroatmodjo itu, iaitu 'Panji' sebagai bendera. Namun begitu Robson tidak pula mengulas atau memberi alasan yang konkrit mengenai maksud atau tujuan di sebalik penggunaan gelaran Panji itu. Beliau hanya menyebutkan, "apanji" is a derivation from 'Panji', a flag or banner, meaning having as a flag that a kind of a title, that one who such and such on his flag."⁹

Dalam konteks ini kenyataan yang pernah dibuat oleh Rassers ketika membicarakan cerita Panji Jawa - **Jayalengkara** adalah lebih jelas. Bagi Rassers gelaran Panji itu mungkin diambil daripada perkataan 'tunggal wulung' (Panji Sakti) yang dicampakkan oleh Jayalengkara. Kata 'Panji' itu kemudian digunakan oleh tokoh-tokoh di dalam cerita Panji. Pemakaianya menyebabkan tokoh-tokoh tersebut terselamat daripada sebarang kesulitan.¹⁰ Hal ini amat menarik kerana tokoh-tokoh cerita Panji yang menggunakan gelaran tersebut sememangnya sentiasa terhindar daripada segala mara bahaya malah sering beroleh kemenangan dan kebahagiaan.

⁸ .S. Prawiroatmodjo.1957. **Bausastra Djawa-Indonesia.**
Penerbit Express dan Marfiah. Surabaja. hal.469

⁹ .S.O.Robson.1971. **Wangbang Wideya.** The Hague M .Nijhoff. hal.13

¹⁰ . Rassers W.H. op.cit.hal.174

Gelaran 'Panji' itu seolah-olah mempunyai fungsi sakral yang dapat melindungi para pemakainya.

Menyentuh mengenai perkara ini, Abd. Rahman Kaeh juga pernah menyebut bahawa kemungkinan adanya makna tertentu di sebalik kata 'Panji' itu tidak dapat dinafikan. Seperti juga di dalam masyarakat Melayu atau Cina dan lainnya yang amat menitik beratkan makna di sebalik nama yang dipilih. Misalnya:-

Abd. Rahim : hamba yang penyayang

Damar Wulan : pelita rambulan¹¹

Jadi dapat disimpulkan bahawa pengarang-pengarang Jawa yang mulamula mencipta cerita-cerita Panji mungkin memberikan gelaran 'Panji' itu kepada watak-watak utama kerana mengambil semangat suci 'panji sakti' yang dicampakkan oleh Jayalengkara itu. Pertamanya dengan tujuan agar Si pemakai nama tersebut akan sentiasa terselamat dari sebarang bencana. Ia juga diberikan kepada watak sebagai tanda sesiapa yang memakainya akan sentiasa mendapat kemenangan. Dalam kata lain, 'Panji' itu melambangkan kemenangan dan kebahagiaan. Ini dapat diperkuuhkan lagi kerana di dalam cerita Panji, lazimnya gelaran tersebut hanya dipakai oleh watak-watak utama (protagonis). Musuh-musuh watak tersebut tidak pernah sekali-kali memakai nama itu.

¹¹ .Abd. Rahman Kaeh. 1989. **Panji Narawangsa**.DBP.K.L.hal.19

Di dalam HMTJK, dapat dilihat pada bahagian pengenalannya, semasa Betara Naya Indera diarahkan turun ke dunia, baginda telah dibekalkan dengan pelbagai senjata termasuklah sebuah "tunggul wulung ciri wenangraya putih" oleh Betara Kala. Tunggul sakti Jawa ini mempunyai simboliknya yang tersendiri yang melambangkan kebesaran dan keagungan kerajaan Jawa. Warnanya yang putih juga memberikan tanda kesucian dan kedaulatan raja-rajanya serta keharmonian negeri tersebut. Jadi memang tidak menghairankan mengapa pengarang kraton Jawa mengait secara langsung watak 'Panji' dengan tunggul sakti ini.

Pemakaian gelaran Panji yang dikatakan merujuk kepada anak-anak raja (putera atau 'prince') sebenarnya tidaklah begitu tepat. Abd. Rahman Kaeh menolak anggapan yang begini kerana Panji di dalam cerita Panji dikatakan seorang pengembara yang menyamar diri (yang semestinya anak raja). Kenyataan ini disokong oleh Harun Mat Piah yang memberikan alasan bahawa pemakaian 'Panji' di dalam roman-roman hikayat adalah berbeza dari pengertiannya dalam masyarakat tradisi Jawa. Di dalam cerita-cerita Panji kata 'Panji' itu tidak pernah diberikan kepada watak-watak utama ketika mereka dilahirkan. Sebaliknya gelaran itu hanya mulai dipakai oleh mereka apabila anak-anak raja itu keluar mengembara. Umpamanya Raden Inu Kertapati di dalam HMTJK telah menukar namanya kepada **Misa Taman Jayeng Kusuma Sira Panji Jayeng Seteru**

Manakala Raden Galuh Candera Kirana (Raden Kusuma Ningrat Lasmipuri) pula ketika disetui menjadi lelaki oleh Betara Kala, sewaktu di dalam penyamarannya memakai nama **Misa Jejuluk Sira Panji Maring Daha**. Kehebatan Galuh setelah berubah menjadi lelaki dan memakai nama ini amat ketara. Dia diberi peranan sebagai lelaki sejati dengan mengahwini puteri-puteri yang ditawannya. Malah dia juga pernah menewaskan Raden Inu sewaktu menjadi **Prabu Anom Tambak Kencana**

Daripada kenyataan ini ternyata penggunaan kata 'Panji' itu tidak terhad kepada putera raja sahaja. Ini diperkuuhkan lagi kerana gelaran itu hanya digunakan oleh mereka ketika berkelana. Ini sesuai dengan kenyataan S.O. Robson yang menyatakan bahawa; "panji occurs consistently as a part of the alias adopted by the hero during his wandering and difficulties".¹² Dalam hal ini Harun Mat Piah menegaskan bahawa;

"...seolah-olah menunjukkan gelaran Panji itu membawa pengertian perwira, pahlawan, kelana, pengembara dan pada setengah tempat bererti 'orang yang sedang dilanda asmara' atau 'doyan cinta' dan kerana itu tidak cocok diberikan kepada watak yang tua atau yang dirasakan terlalu muda seperti anak-anak Panji."¹³

¹² .S.O Robson; op. cit; hal.13

¹³ .Harun Mat Piah.1971.**Cerita-cerita Panji Melayu.** DBP.K.L. Hal.16

Watak-watak yang menggunakan nama 'Panji' ini sering pula mengenalkan diri mereka sebagai musafir yang tidak mempunyai tempat tinggal.¹⁴ Ringkasnya, watak-watak yang diberi gelaran itu semestinya seorang anak raja yang mempunyai keistimewaan-keistimewaan tertentu. Beliau bukan hanya agung, berani bahkan menjadi kekasih para dewa.¹⁵ Jadi dapat disimpulkan gelaran yang diambil dari Panji-panji Sakti (Tunggul Wulung) itu benar-benar mempunyai makna bahawa kemenangan dan kebahagiaan sentiasa berpihak kepada mereka.

Satu hal yang menarik tentang makna 'Panji' ini juga boleh dilihat pada makna kedua yang diberikan oleh S.Wojowasito¹⁶; yakni "bendera sebagai lambang kesatuan". Pemakai-pemakai gelaran 'Panji' dalam cerita-cerita Panji; sama ada Inu atau Galuh sememangnya berperanan sebagai penyatu kerajaan-kerajaan di Jawa. Malah perkahwinan Panji dan Galuh dianggap oleh para penyelidik sebagai lambang penyatuan semula kerajaan-kerajaan di Jawa yang telah terpecah akibat pembahagian di zaman Erlangga.

¹⁴ .di dalam cerita-cerita Panji, 'Panji' sering menyatakan mereka adalah orang yang berkelana, yang tidak mempunyai ibu bapa dan tempat tinggal

¹⁵ .setiap pemakai gelaran ini akan sentiasa mendapat perlindungan dan pertolongan daripada para dewa di kayangan

¹⁶ . S. Wojowasito ;1972 **Kamus Bahasa Indonesia**;Shinta Dharma; Bandung; hal.207

Di dalam konteks yang lain pula, kata 'Panji' itu lazimnya difahami dan dirujukkan kepada Raden Inu. Pengertian begini dapat dilihat di dalam masyarakat Thai yang memahami kata tersebut sebagai rujukan kepada Raden Inu. Contohnya Krommamun Phitthayalap pernah menyebut;

" Dalam masyarakat Thai perkataan Pan-yi itu hanya dimaksudkan kepada nama samaran Inau, hero di dalam cerita Inau semasa menyamar sebagai orang hutan (penjurit) dan mengembara mencari kekasihnya yang hilang."¹⁷

Begitu juga Suthiwong Phongphaibun yang menyatakan bahawa "Pan-yi" adalah gelaran yang diberikan kepada orang yang menamakan dirinya sebagai ketua penyamun (penjurit)¹⁸.

Kedua-dua kenyataan ini menunjukkan adanya perubahan pengertian kata 'Panji' yang berbeza sama sekali maknanya daripada konteks asal tradisinya. Tidak dinafikan bahawa di zaman kegemilangan raja-raja Jawa memang wujud gelaran itu yang diberikan kepada putera-putera raja. Kemudian gelaran tersebut diangkat sebagai 'pelindung diri' dan lambang atau simbol 'kemenangan dan kebahagiaan' kepada watak-watak utama di dalam roman-roman Panji. Panji juga adalah orang yang telah berjaya menyatukan semula kerajaan-kerajaan di seluruh Jawa.

¹⁷ . dipetik oleh Rattiya Salleh. 1988. **Panji Thai dalam Perbandingan dengan Cerita-cerita Melayu**.DBP.KL.hal.23

¹⁸ ibid.hal.22

2.2. PERBEZAAN ANTARA PANJI JAWA DAN PANJI MELAYU, THAI DAN KEMBOJA.

Sememangnya telah diterima bahawa cerita Panji adalah ciptaan asli masyarakat Jawa dan ia tidak mengambil mana-mana dasar sastera atau karya asing sama ada Hindu ((**Ramayana** dan **Mahabharata**) atau sastera Islam (dari Arab atau Parsi). Ia melukiskan gambaran mengenai masyarakat Jawa khasnya tentang istana-istana Jawa dengan kehidupan dan kebudayaannya. Latar tempatnya juga berkisar kepada kerajaan-kerajaan tradisional Jawa iaitu Kuripan, Daha, Gagelang dan Singasari.

Istilah-istilah cerita Panji Melayu, cerita Panji Thai, cerita Panji Kemboja dan sebagainya dikatakan di dalam ‘siklus’ yang sama dengan cerita Panji Jawa. Namun begitu adalah sukar untuk membezakan di antara cerita Panji Jawa dengan genre-genre cerita Panji lainnya. Para sarjana awal tidak memberikan satu garis yang tetap untuk menentukan perbezaan antara Panji Jawa dan cerita-cerita Panji tersebut. Pelbagai masalah timbul kerana kebanyakan cerita Panji menyebut bahawa cerita-cerita tersebut adalah terjemahan langsung daripada cerita Panji Jawa. Misalnya dalam HAP;

“ Al kisah inilah suatu hikayat ceritera yang dipindahkan kepada bahasa Melayu yang terlalu indah-indah karangannya, diputut oleh dalang yang arif lagi bijaksana yang amat masyhur di Tanah Jawa”¹⁹

¹⁹ .S.O Robson;1969. **Hikayat Andaken Penurat**; KITLV
Martinus Nijhoff; hal.21

Daripada kenyataan yang dibuat oleh pengarang HAP ini terdapat dua kemungkinan yang boleh disimpulkan. Penyalin karya ini mendakwa bahawa karya ini diterjemah langsung (dipindahkan) dari bahasa Jawa ke dalam bahasa Melayu. Kemungkinan kedua pula ialah cerita ini diambil atau diilhami dari cerita wayang kulit Jawa kerana pengarang menyebut bahawa cerita ini "dipatut oleh dalang yang arif lagi bijaksana yang amat masyhur di Tanah Jawa".

Pembacaan kali pertama mungkin akan menyebabkan khalayak menerima kenyataan bahawa cerita ini adalah terjemahan langsung dari cerita Panji Jawa. Hal ini diperkuuhkan lagi kerana cerita-cerita Panji ini amat sarat dengan unsur-unsur kejawaan seperti penggunaan dialog atau pilihan kata, latar tempat berlakunya peristiwa penceritaan dan adat istiadat di dalam istana (unsur pewayangan, adat berkaul dsb.). Namun begitu hipotesis ini tidaklah dapat diterima sepenuhnya kerana di dalam tradisi kepengarangan masyarakat Melayu, semua karya dianggap sebagai milik bersama masyarakat. Pengarang-pengarang Melayu lazimnya tidak pernah menyatakan nama mereka pada karya-karya yang ditulis tetapi lebih senang menyebutkan bahawa sesebuah cerita itu dituturkan oleh 'yang empunya cerita'.

Cerita-cerita Panji Jawa yang masuk ke dalam masyarakat Melayu biasanya telah menerima pelbagai perubahan walaupun pada umumnya masih mengekalkan dasar-dasar penceritaannya. Pengarang-pengarang Melayu berasa bebas untuk membuat penyesuaian ataupun tokok tambah tertentu pada episod-

episod yang difikirkan perlu. Oleh itu istilah 'dipindahkan' bagi masyarakat Melayu, secara teknikal bukanlah selalu bererti 'disalin langsung dari cerita asalnya' tetapi ia lazimnya digunakan sebagai istilah yang lebih umum.²⁰ Umpamanya cerita **Seri Rama** dan **HBB** yang merupakan cerita-cerita saduran dari 'siklus' Ramayana (Hindu) dan Arab-Parsi; begitu pula cerita-cerita Panji Melayu, Thai dan Kemboja yang merupakan "saduran dan penyesuaian yang sistematik daripada cerita-cerita Panji Jawa."²¹

Penulis bersetuju dengan dasar yang digunakan oleh Harun Mat Piah yang meletakkan tiga asas bagi mengkategorikan cerita-cerita Panji. Dasar yang pertama ialah berpegang kepada pembahagian sedia ada yakni yang pernah dilakukan oleh sarjana yang terdahulu misalnya Poerbatjaraka²², Juynboll²³, T.H.Pigeaud²⁴, Hooykaas²⁵, dan lain-lain. Namun begitu kebanyakan para sarjana ini di dalam kajian-kajian mereka tidak pula memberikan suatu garis panduan bagaimana mereka menentukan serta menempatkan sesebuah cerita Panji ke dalam golongan

²⁰ .dari sudut kepengarangan Melayu istilah ini lebih tepat didefinisikan sebagai 'mengambil dasar' dan bukannya terjemahan langsung seperti yang diertikan oleh kamus.

²¹ .Harun Mat Piah;op.cit;hal.3

²² .Poerbatjaraka;op.cit.,hal.370-378

²³ .Juynboll.H.1899. **Catalogus Van de Maleische en Sundaneesche Handschriften**. Leiden. E.J Brill.

²⁴ .T.H.Pigeaud; op.cit., hal.206-209

²⁵ . Hooykaas C.1947. **Over Maleise Literatuur (2de druk)**; Leiden. E.J Brill.hal.121-122

cerita Panji Jawa, Melayu ataupun lainnya. Cerita-cerita Panji Jawa dikatakan ditulis di dalam bahasa Jawa Tengahan dan bukannya dalam Jawa Kuno.

Juynboll, misalnya di dalam katalog yang disusunnya, menyenaraikan beberapa buah cerita Panji Jawa seperti Mantri Wadak, Menur Wilis, Smarawedana, Misa Gagang Ajar Pikatan, Panji Margasmara dan sebagainya.²⁶ Sementara itu Poerbatjaraka (1940) pula menyebut beberapa judul seperti Jaya Kesuma, Angkron Akung, Kuda Narawangsa, Serat Kanda, Malat dan beberapa yang lain²⁷

Selain berpegang kepada dasar di atas unsur bahasa juga boleh digunakan bagi menentukan kategori sesebuah cerita Panji itu. Dalam hal ini, sesebuah cerita Panji Jawa ditulis di dalam bahasa Jawa. Malah cerita-cerita Panji Jawa Baru ditulis dengan menggunakan aksara Jawa di dalam Tembang Macapat. Sementara itu cerita Panji Melayu, Thai, Kemboja dan lainnya ditulis di dalam bahasa ibunda masing-masing. Umpamanya cerita Panji Melayu ditulis di dalam bahasa Melayu, cerita Panji Thai di dalam bahasa Thai dan Panji Kemboja di dalam bahasa Kemboja.

Dasar ketiga yang digunakan oleh Harun Mat Piah ialah melihat kehadiran unsur-unsur tempatan di dalam cerita Panji. Sama ada cerita-cerita itu Panji Thai, Melayu, Kemboja dan seumpamanya, didapati bahawa unsur-unsur

²⁶ Juynboll.op.cit.

²⁷ Poerbatjaraka.op.cit.

tempatan yang hadir telah dijalin dan diadun bersama-sama kisah Panji yang kaya dengan unsur kejawaan itu. Misalnya di dalam cerita Panji Jawa, watak saudara (adik) Raden Galuh lazimnya dikenali sebagai Gunung Sari tetapi di dalam Panji Melayu watak tersebut dikenali sebagai Perbatasari.²⁸

Secara umumnya di dalam mengkategorikan genre cerita Panji dan membezakan cerita Panji Jawa daripada cerita Panji lainnya, perlu dilakukan dengan melihat kepada ketiga-tiga dasar di atas. Pengklasifikasian yang dibuat berlandaskan hanya kepada satu dasar sahaja tidak akan memperlihatkan kesempurnaan sesebuah cerita yang dikatakan sebagai di dalam 'siklus' cerita Panji. Ketiga-tiga dasar ini iaitu; pembahagian sedia ada, unsur bahasa dan unsur-unsur tempatan perlu dibicarakan bersama-sama supaya pengklasifikasian tersebut tampak sempurna dan tepat.

2.3. CIRI-CIRI UMUM CERITA PANJI.

Secara umumnya istilah cerita Panji secara langsung merujuk kepada sejenis karya sastera yang digolongkan ke dalam satu kumpulan berdasarkan kepada ciri-ciri tertentu. Persoalan untuk menentukan suatu bentuk cerita Panji memang merupakan pokok utama yang sering ditonjolkan oleh para sarjana di dalam kajian

²⁸ ibid.hal.382

mereka. Hal ini timbul kerana terdapat pelbagai masalah untuk menentukan kriteria yang boleh dijadikan landasan cerita Panji.

Misalnya ada di kalangan para sarjana itu yang lebih gemar mengambil tema atau pokok persoalan cerita Panji yakni tentang percintaan, pengembalaan dan peperangan sebagai penentuan. Sementara yang lain pula lebih selesa memegang "alur khas" atau plot atau struktur penceritaan cerita tersebut untuk dijadikan sebagai landasan. Ada pula yang cuba mengklasifikasikan cerita Panji berdasarkan kepada nama-nama watak dan latar yang terdapat di dalam cerita Panji tersebut seperti Raden Inu, Raden Galuh Candera Kirana, Daha, Kuripan, Singasari dan seumpamanya.

Poerbatjaraka adalah antara sarjana awal yang telah cuba mengkelaskan cerita Panji mengikut kriteria yang dinamakannya sebagai 'alur khas'. Dalam hal ini Poerbatjaraka menyimpulkan bahawa 'alur khas' cerita Panji itu adalah seperti berikut:

" Di Jawa terdapat empat orang raja bersaudara. Kadang-kadang dikatakan mereka mempunyai seorang saudara perempuan; (seorang kili suci) di tempat yang lain disebut 3 orang saudara lelaki dan seorang perempuan dan lain-lain. Raja yang paling tua adalah raja di Kuripan (Keling @ Jenggala); yang tengah di Daha (Mamenang @ Kediri); Gagelang dan yang bongsu di Singasari. Putera sulung ratu kuripan adalah anak dengan isterinya dari golongan bawahan; kemudian putera keduanya adalah anaknya dengan permaisuri (iaitu Raden Inu Kertapati). Ratu Daha pula mendapat seorang puteri iaitu puteri Galuh Cendera Kirana. Raden Inu dan Galuh Cendera Kirana ditunangkan oleh ibu bapa mereka sejak kecil. Suatu hari ketika di dalam suatu perburuan; Inu terpisah dari kawan-kawannya dan menemui seorang gadis cantik lalu jatuh cinta. Gadis ini dari golongan

bawahan (iaitu anak kepada seorang Patinggi @ Demung @ Patih); Inu mengambilnya sebagai kekasih, hal ini menimbulkan kemarahan ibunya. Permaisuri melaksanakan rancangan membunuh kekasih Inu itu menyebabkan Inu bersedih lalu meninggalkan istana mengembara sebagai seoran kelana dan menakluki banyak kerajaan. Sementara itu Cendra Kirana juga hilang dari istana Daha di atas kehendak Betara Kala. Adik Raden Galuh keluar mencarinya. Selepas beberapa lama di dalam pengembaraan dan melepassi pelbagai rintangan; putera dan puteri raja ini bertemu kembali. Raden Inu berkahwin dengan Raden Galuh yang rupa-rupanya adalah kekasih pertamanya. Mereka kembali ke Kuripan dan Inu dilantik menjadi Ratu...”²⁹

‘Alur khas’ yang dicadangkan oleh Poerbatjaraka ini sering menjadi topik perdebatan kerana tidak semua cerita Panji mempunyai kriteria yang sama dengan ciri-ciri yang disebutkan itu. Contohnya persoalan tentang kekasih pertama Panji yang disebutkannya itu bukanlah merupakan suatu ciri penting yang mesti hadir di dalam kebanyakan cerita Panji. Ciri ini hanya wujud pada kebanyakan cerita Panji yang lebih awal. Oleh itu, jika kriteria ini diletakkan sebagai suatu ciri yang wajib bagi cerita Panji maka banyaklah cerita-cerita Panji yang tidak dapat digolongkan ke dalam kategori tersebut. Sebenarnya sukar untuk meletakkan suatu kerangka yang tepat bagi menentukan ciri-ciri cerita Panji. Ini kerana kebanyakan cerita Panji walaupun mempunyai cerita yang sama tetapi diolah dengan cara yang berbeza.

²⁹ .ibid.hal.370-378

S.O Robson pula lebih suka berpegang kepada struktur cerita sebagai

landasan bagi mengidentifikasi sesebuah cerita Panji.

"In Java, where the story is set, there are two kingdoms, Kuripan and Daha (various alternative names also occur) of which the former is the senior. The prince of Kuripan is betrothed to the princess of Daha but, before they can marry, a complicating factor (or combination of factors) intervenes. (For example, the princess may be lost or be carried off, and have to be found or a foreign, king may attack and have to be defeated). When the problems have been solved by the prince, in disguise and using an alias, then he can finally reveal himself and claim the princess. With their marriage the world returns to its former settled state."³⁰

Kerangka yang dibuat oleh Robson ini boleh diperluaskan lagi oleh pengarang-pengarang cerita Panji dengan memasukkan pelbagai episod atau memperincikan perlukisan dan juga mengadakan unsur-unsur pengulangan.³¹

Secara amnya cerita Panji mempunyai ciri dan bentuk yang tersendiri. Ia merupakan sebuah ciptaan asli orang-orang Jawa yang berbeza sama sekali dengan cerita-cerita epik dari India iaitu **Mahabharata** atau **Ramayana**. Ini kerana di dalam cerita-cerita Panji kisahnya berkisar di alam Jawa dengan gambaran kebudayaan masyarakat Jawa terutamanya tentang kehidupan raja-raja Jawa.

³⁰ .Robson (1969); op.cit;hal.12

³¹ .Unsur inilah yang menyebabkan terdapatnya teks cerita Panji yang pelbagai sehingga membentuk satu 'siklus' cerita-cerita tersebut.

Cerita Panji juga mempunyai perbezaan yang ketara dari cerita-cerita roman lain. Perbezaan yang paling nyata ialah nama-nama pelaku dan peranan mereka, latar tempat atau pokok persoalan utama penceritaan. Nama-nama pelaku dan latar tempat misalnya berunsurkan dunia Jawa sepenuhnya tanpa pengaruh asing. Watak-watak wira dan wirawati (Raden Inu dan Galuh) tidaklah menjadi pusat penceritaan sepenuhnya kerana terdapat ramai watak lain yang juga diberi perhatian yang sama seperti kedua-dua watak tersebut. Misalnya di dalam sebuah cerita Panji jika watak Raden Inu dan Galuh dilukiskan dengan gambaran yang jelas dan diberikan peranan yang aktif menggerakkan plot penceritaan, maka hal yang demikian juga diberikan kepada watak-watak lain yang terlibat, seperti saudara-saudara Inu atau Galuh.

Hal ini berbeza daripada cerita bukan Panji, misalnya cerita lipurlara, yang memberi pemusatkan hanya kepada watak-watak utama sahaja. Watak-watak pembantu tidak digambarkan dengan ketara dari segi watak-perwatakan masing-masing. Malah yang sering menggerakkan jalan cerita ialah watak-watak utama sahaja. Cerita Panji seolah-olah sebuah 'cereka perwatakan' (novel perwatakan) yakni sebuah cereka yang mempunyai ramai watak dan pengarang pula tidak hanya memusatkan tumpuannya kepada tokoh-tokoh tertentu sahaja.

Begitu juga halnya tentang pokok persoalan cerita-cerita Panji ini.

Walaupun ia memaparkan tema percintaan seperti yang lazim ditemui di dalam karya-karya Melayu klasik tetapi percintaan Inu dan Galuh berbeza daripada kisah cinta yang dialami oleh watak-watak utama cerita lipurlara atau cerita hikayat. Jikalau di dalam HMD misalnya, Malim Deman keluar mengembara kerana mencari seorang wanita yang tidak pernah dikenalinya, Raden Inu pula mengembara kerana mencari tunangannya sendiri. Motif keputusasaan akibat kehilangan tunang yang menimbulkan babak pengembawaan ini merupakan suatu ciri yang autentik di dalam cerita-cerita Panji.

Demikian juga hanya unsur ‘Angreni’ (yang lazimnya ada di dalam cerita-cerita Panji yang awal) yakni sebelum berkahwin dengan Raden Galuh, Inu telah mempunyai seorang kekasih yang amat dicintainya. Gadis ini dikatakan adalah seorang gadis dari golongan bawahan yang telah dipisahkan (dibunu) dari Raden Inu kerana bondanya tidak merestui perhubungan mereka.

Satu lagi unsur lain yang membezakan cerita Panji dari cerita bukan Panji ialah wujudnya unsur peranan dewa-dewa. Memang tidak dinafikan di dalam cerita-cerita bukan Panji pun (terutama yang mendapat pengaruh Hindu) unsur ini sering ditemui. Umpamanya di dalam HMD, Puteri Bongsu adalah anak kepada seorang dewa di kayangan. Namun begitu di dalam cerita-cerita lipurlara, dewa-dewa tidak diberi peranan yang aktif seperti yang terdapat di dalam cerita Panji. Dewa-

dewa di dalam cerita Panji mempunyai kuasa penuh untuk campurtangan terhadap segala kejadian yang berlaku di alam ini. Misalnya di dalam **HMTJK**, dewa-dewa dikatakan bermesyuarat untuk memilih raja di dunia.

"Sebermula, maka tersebutlah perkataan segala dewa-dewa duduk berkampung di Balai Tanjung Maya, berbicara hendak menyuruh Betara Naya Indera laki isteri turun menjelma ke mayapada..... Selama-lama raja Pandawa kembali ke kayangan, maka sunylah mayapada ini. Akan negeri Pandawa itupun hampir jadi hutanlah.³²

Dalam kajian ini penulis memegang ciri-ciri cerita Panji yang dirumuskan oleh Harun Mat Piah kerana difikirkan lengkap dan sesuai untuk tujuan kajian ini. Harun Mat Piah di dalam kajiannya menurunkan beberapa babak yang dianggap sebagai mencirikan sebuah cerita Panji terutamanya cerita Panji Melayu. Di dalam sebuah cerita Panji dikatakan bahawa raja-raja Jawa berasal dari keturunan dewa-dewa. Di dalam **HMTJK**; Betara Naya Indera dan isterinya; Dewi Mandurati turun ke dunia dan menjadi raja di Kuripan. Mereka memperolehi lima orang anak, empat lelaki dan seorang perempuan. Putera sulungnya dirajakan di Kuripan, yang tengah di Kediri, yang ketiga di Gagelang dan yang bongsu di Singasari. Penceritaan tentang asal usul keturunan raja-raja Jawa ini menjadi bahagian pengenalan bagi sesebuah cerita Panji.

³² Abd. Rahman Kaeh.1985.**Hikayat Misa Taman Jayeng Kusuma.**
DBP.K.L.hal.1

Walaupun telah menjadi suatu tradisi bahagian ini menceritakan tentang raja-raja Jawa dan usal-usul negeri-negeri Kuripan, Daha, Gagelang dan Singasari; tetapi terdapat juga perbezaan di antara sebuah cerita Panji dengan Panji yang lain. Ini dapat dilihat misalnya sama ada ia menceritakan tentang keempat-empat buah negeri itu ataupun hanya disebut sebahagian dari negeri-negeri tersebut. Kadang-kadang pengarang juga menyebut kerajaan-kerajaan lain seperti Lasem, Majapahit dan sebagainya.

Bahagian pengenalan ini kemudian diikuti oleh babak-babak yang mengisahkan para Ratu Kuripan, Daha dan lain-lain yang inginkan anak lalu mengadakan upacara berkaul. Upacara ini amat sering ditemui di dalam cerita-cerita Panji terutamanya cerita-cerita Panji Melayu. Di dalam HMTJK ada disebutkan bahawa;

"Sebermula, maka tersebutlah perkataan ratu Betara ing Kuripan, beberapa lamanya baginda di atas tahta kerajaan itu, maka terlalulah ingin baginda hendak berputera....Hai kamu segala orang pertapaan bertapa berkaul kepada segala dewa-dewa, jika kita beroleh seorang putera beta berkaul memberi derma kurnia kepada segala jogi, brahman, para bujangga dan beta membuat gunung api tujuh buah di tengah laut Segara Kidul dan beta persembahkan kerbau empat puluh ekor bertanduk emas dan sapi emat puluh sungu kencana kepada berhala dewa-dewa didermakan."³³

³³ ibid. hal.6-7

Hasil daripada ucapara ini pula menimbulkan pula episod-episod penjelmaan dewa-dewa dan kelahiran watak-watak utama. Tokoh-tokoh utama cerita Panji (Inu dan Galuh) lazimnya adalah penjelmaan dewa dan dewi. Di dalam **HMTJK**, Raden Inu adalah penjelmaan Betara Kerma Jaya dan isterinya Dewi Segerba Indera pula sebagai Raden Galuh. Mereka dititahkan oleh Betara Kala turun ke dunia bagi memenuhi permintaan para Ratu yang berkaul itu.

Di dalam sesetengah cerita Panji bukan hanya watak utama sahaja yang merupakan penjelmaan dewa-dewi. Watak-watak pembantu seperti Semar dan Jerude juga misalnya kadangkala merupakan penjelmaan dewa-dewa yang ditugaskan membantu watak utama. Umpamanya di dalam **HCWP**, watak-watak pembantu Raden Inu adalah penakawan-penakawannya semasa di kayangan. Walaupun kebanyakan Panji Jawa menghubungkan ratu-ratu dan putera-putera Jawa dengan dewa-dewa tetapi ini berbeza daripada cerita Panji Melayu yang rata-rata hanya menghubungkan watak utama sahaja dengan unsur tersebut.

Babak seterusnya yang menjadi ciri autentik cerita Panji ialah peristiwa-peristiwa yang mengakibatkan kepada pengembalaan Panji. Lazimnya peristiwa pengembalaan ini berhubungan dengan kehilangan kekasih Panji. Ia sama ada, kekasih Panji itu dibunuh atau tunangannya Raden Galuh hilang atau diculik atau terpaksa menghilangkan diri di atas kehendak para dewa. Di dalam **SKT**, misalnya, Ken Tambuhan dibunuh atas perintah ibu Inu kerana tidak merestui niat anaknya

memperisterikan wanita dari golongan bawahan. Dalam hal ini Ken Tambuhan adalah anak kepada Ratu Banjar kulon (Daha/Tanjung Puri) yang menjadi tawanan Betara Kuripan.

Walaupun begitu peristiwa pembunuhan kekasih pertama Panji tidaklah berlaku di dalam semua cerita Panji. Begitu juga dengan babak pertemuan antara Panji dengan kekasih pertamanya melalui peristiwa sayembara dan perburuan. Di dalam cerita Panji Jawa babak ini amat penting tetapi di dalam cerita Panji Melayu walaupun unsur ini kadangkala hadir, ia seringkali hanyalah sebagai suatu kegiatan untuk bersuka-suka, contohnya di dalam **HMTJK** sewaktu episod perkahwinan Inu dan Galuh telah diadakan suatu pesta dan sayembara di antara raja-raja yang hadir bagi memeriahkan suasana.

Di sepanjang pengembalaan watak-watak utama ini, mereka menghadapi pelbagai rintangan dan terpaksa menempuh peperangan di antara sesama mereka akibat tidak mengenali antara satu dengan yang lain kerana masing-masing di dalam penyamaran. Seringkali juga mereka berperang dengan raja-raja di negeri yang mereka singgahi. Biasanya di dalam peperangan begini mereka sentiasa mendapat kejayaan.

Kadangkala mereka juga turut sama-sama membantu kerajaan-kerajaan yang mereka singgahi untuk berperang dengan musuh masing-masing. Umpamanya di dalam **WW**, Raja Lasem marah kerana pinangannya terhadap Puteri Warastrasari

(puteri Daha) ditolak lalu mengisyiharkan perang ke atas Daha. Raden Makaradwaja yang sedang menyamar (Wangbang Wideya Apanji Wireswara) menawarkan diri untuk membantu Ratu Daha menentang Raja Lasem. Raden Makaradwaja berjaya menewaskan angkatan Raja Lasem itu.³⁴

Di dalam cerita Panji, terutamanya Panji Melayu seringkali juga ditemui babak Panji atau Galuh jatuh sakit. Penyakit itu hanya dapat dipulihkan oleh salah seorang daripada mereka. Selalunya watak Raden Galuhlah yang jatuh sakit dan Raden Inu pula cuba memulihkannya. Walau bagaimanapun ada juga cerita-cerita Panji yang mengisahkan tentang Raden Inu yang jatuh sakit. Misalnya di dalam HMTJK, Raden Inu telah jatuh sakit akibat merasa bersalah apabila mengetahui bahawa isterinya Ken Segerba Nigrat itu adalah Raden Galuh dan dia sebenarnya telah difitnah oleh Raden Ratna Lango. Raden Inu telah dibawa oleh para kedayannya untuk berubat dengan Endang Kesuma Jiwa iaitu Raden Galuh yang sedang menyamar sebagai seorang pertapa di Gunung Wilis.

Salah satu babak yang menjadi ciri utama kepada cerita-cerita Panji ialah adanya babak-babak penyamaran. Babak ini lazimnya hanya dilakukan oleh watak utama dengan tujuan agar mereka tidak dikenali oleh orang lain. Penyamaran mereka seringkali melibatkan semua para kedayan mereka.

³⁴ Robson; op.cit; hal.3

(I) "Maka titah Raden Inu, "Kakang sekelian apa bicaramu, sekarang aku hendak bersalin nama secara orang keluaran. Aku hendak masuk ke negeri orang, malu aku kakang dikenal orang bangsa kita." Maka semuanya menyembah sembahnya, Sebenarnyalah titah tuanku itu". Maka titah Raden Inu, "Kakang sekelian, sebutlah namaku **Kelana Wirapati Kesuma Agung** dan yayi ningsun **Kelana Kesuma Anom** dan kakang Wira Jaya bernama **Kuda Kerta Negara** dan kakang Wira Sina bernama **Kuda Surapati**, kakang Tatak bernama **Kuda Ranggapati** dan kakang Gimang bernama **Kuda Rangga Jaya**.³⁵

ii) "Kakang, baik kita bersalin nama, sebutlah namaku, **Misa Jayeng Kusuma Sira Panji Jayeng Seteru** dan yayi ningsun bernama **Kelana Anom Perwira** dan kakang Jerude bernama **Wirun** dan kakang Punta bernama **Kuda Mangan Jaya** dan kakang Kertala bernama **Kalang** dan kakang Semar bernama **Kebo Sendubama** dan Turasa bernama **Bagus Cali** dan Kertasina bernama **Kuda Mangun Yuda** dan kakang Merta Wangsa bernama **Kuda Merta Wangsa** dan lain-lain biarlah nama yang sedia..." Maka barang siapa menyatakan bangsaku aku bunuh."³⁶

Pada contoh-contoh di atas didapati bahawa watak utama cerita ini tidak mahu mereka dikenali oleh orang lain. Kadang kala penyamaran juga berlaku di atas kehendak Betara Kala yang menghendaki watak-watak tersebut bertukar nama dan rupa supaya mereka tidak dikenali. Di dalam HMTJK, Raden Galuh disetui oleh Betara Kala dan menjadi lelaki dengan memakai gelaran **Misa Jejuluk Sira Panji Maring Daha**. Begitu juga peristiwa yang terjadi terhadap Ratna Wilis yang dilarikan oleh Betara Kala untuk menyedarkan ibu bapanya yang tidak membayar kaul.

³⁵ Abdul Rahman Kaeh; op.cit.hal.95-96

³⁶ ibid.hal.103

" Aduh! Cucuku wong Ratna Wilis, diamlah engkau jangan menangis sebabpun aku ambil engkau kalau-kalau dimaling oleh segala para ratu itu. Lagipun kau bapamu belum dibayarnya. Duduklah engkau di sini dahulu, engkau akan aku restui semoga-moga serupa laki-laki jayeng seteru, tiada dimakan oleh segala senjata...engkau aku namakan Kelana Panji Kayangan dan Bayan bernama Kuda Waraspati dan Sanggit bernama Kuda Jaya Perang."

Semasa di dalam penyamaran ini juga sering diselitkan babak-babak pewayangan. Wayang memang merupakan suatu kegiatan tradisi di dalam masyarakat Jawa bukan hanya untuk tujuan hiburan tetapi mempunyai makna yang simbolik bagi masyarakat tersebut. Di dalam masyarakat Jawa kita temui Wayang Purwa dan Wayang Gedog atau Wayang Topeng yang banyak memainkan cerita-cerita dari kitab-kitab epik **Mahabhrata** atau **Ramayana** serta episod-episod dari cerita-cerita Panji. Oleh kerana kepopularannya di kalangan masyarakat, maka sering ditemui unsur ini di dalam cerita-cerita Panji.

Ia lazimnya dikemukakan sebagai unsur hiburan dan dipersembahkan di majlis-majlis keraian di istana-istana Jawa. Selain itu ia juga dimainkan untuk tujuan-tujuan tertentu seperti menyindir orang lain, membayar kaul dan seumpamanya. Lazimnya watak-watak yang menjadi dalang di dalam pewayangan ini adalah terdiri dari watak-watak utama yang sedang di dalam penyamaran. Umpamanya sewaktu di Gagelang, Raden Galuh (Kelana Merta Jiwa) dan Ratna Wilis (Kelana Panji Kayangan) serta para kedayan mereka telah mempersembahkan lelakon Betara

³⁷ ibid.hal.257

Kangsa Dewa Edan. Lelakon ini adalah bertujuan untuk meyindir dan menyedarkan Raden Inu terhadap perbuatannya memukul Raden Galuh (Ken Segerba Ningrat) tanpa usul periksa.

" Seketika ia bertandak itu maka Kelana Merta Jiwapun mengirapkan sabuknya pula, dipegangnya punca sabuknya lalu ditudungkan ke mulutnya lalu ia mengidung perlahan-lahan samar-samar bahasa bunyinya. Suaranya halus memberi edan keasmaraan segala yang menengar dia. Dan akan Kelana Merta Jiwa menambah itu berkekawin lelakon Kangsa Dewa.³⁸

Cerita-cerita Panji berakhir dengan suasana 'happy-ending', lazimnya bahagian akhir cerita-cerita Panji menetapkan watak wira dan wirawati bertemu kembali dan melangsungkan perkahwinan mereka secara rasmi. Para Ratu Jawa juga telah mengadakan upacara pembayaran kaul dan Raden Inu lazimnya dilantik menjadi Betara Kuripan.

³⁸ .ibid.hal.320

2.4. PENCIPTAAN DAN PERKEMBANGAN CERITA-CERITA PANJI DI NUSANTARA

Cerita Panji telah terkenal sejak berzaman-zaman, malah mendapat perhatian oleh para sarjana kerana ia bukan hanya tersebar luas ke daerah-daerah pedalaman dan sekitaran kepulauan Jawa yang menggunakan medium bahasa Jawa. Malah cerita-cerita tersebut telah tersebar sehingga ke Tanah Melayu, Kalimantan, Siam dan Kemboja. Teori penciptaan dan penyebaran keluar cerita Panji dari wilayah Jawa sering mendapat perhatian dan diperkatakan oleh para sarjana. Terdapat pelbagai andaian mengenai bila, bagaimana penyebaran itu berlaku dan faktor-faktor serta kesannya ke atas masyarakat-masyarakat yang menerima cerita Panji tersebut.

Berkaitan dengan hal ini, C.C Berg di dalam kajiannya *Inleiding Tot De Studie Van Het Oud Java*³⁹ (1928) membuat andaian bahawa penyebaran cerita Panji mula berlaku pada tahun 1227 M bersamaan dengan ekspedisi Pa-Malayu dan berakhir pada tahun 1400 M:

The aanzien van de Maleische verhalen zou men den tijd van ontleining vrij ruim kunnen begrenzen: de terminus a quo zou het begin van de Pamalayu, Krtanagara's expeditie tegen Sumatra, kunnen zijn, 1277 dus; de terminus ad quem + 1400, toen het met de Javaansche suprematie over den Archipel gedaan was,...⁴⁰

³⁹. lihat.C.C Berg.1928.*Kidung Sundayana*.De Bliksem.Surakatra.

⁴⁰ ibid.hal.65

Namun begitu, Poerbatjaraka menolak hipotesis Berg itu dengan alasan bahawa tarikh sebenar penyebaran cerita Panji tidak mungkin berlaku pada masa tersebut. Ini kerana ekspedisi dimaksudkan oleh Berg itu terlalu awal dan dekat dengan sejarah, jadi ingatan orang terhadap keagungan kerajaan-kerajaan Jawapun masih kuat. Beliau berpendapat, semestinya cerita Panji itu telah dicipta atau ditulis pada masa ingatan orang terhadap sejarah zaman Singasari telah agak samar-samar.⁴¹

W.H. Rassers dalam kajian-kajiannya (1922/1959) pula berpendapat penciptaan cerita-cerita Panji adalah didasarkan kepada kepercayaan 'mythology' masyarakat Jawa tentang nenek moyang. 'Mythology' tersebut mengaitkan percintaan Raden Inu dan Chandra Kirana dengan peredaran bulan mengejar matahari.

Berbeza daripada Berg; Poerbatjaraka menganggap penulisan cerita-cerita Panji berlaku pada zaman kerajaan Majapahit atau mungkin lebih kemudian daripadanya. Alasannya ialah masyarakat Jawa pada ketika itu sudah tidak memahami bahasa Sanskrit dan mahukan sesuatu yang baru, yang berbeza sama sekali daripada kitab-kitab suci Hindu yang sudah tidak lagi menarik minat mereka. Oleh itu mereka mencipta cerita-cerita Panji.

⁴¹ .Poerbatjaraka;op.cit;hal.404

Alasannya yang lain ialah hampir keseluruhan teks cerita Panji yang dijumpai ditulis dalam bahasa Jawa Tengahan (Tembang Macapat) dan bukannya Jawa Kuno seperti yang didakwa oleh Berg itu. Dalam hal ini, Poerbatjaraka mengambil **Pararaton** sebagai garis dasar bagi penciptaan cerita-cerita Panji asli. Ini kerana kebanyakan cerita Panji dikatakan amat jelas menunjukkan persamaan dengan cerita tersebut. Nama-nama tempat dan pelaku di dalam cerita Panji dan **Pararaton** adalah hampir sama. Berg dalam hal ini juga mengaitkan cerita Panji dengan **Pararaton**; dengan mengistilahkan roman-roman satria (Panji) tersebut sebagai "roman Pararaton"⁴²

Alasan ini kemudian diperkuatkan lagi dengan penemuan "relief" oleh Stutterheim yang bertarikh 1335 Caka (1413M). "Relief" itu dikatakan menggambarkan satu episod dari cerita Panji. Oleh itu kemungkinan pelukis relief itu telah mengenali cerita Panji, lama sebelum relief itu wujud memang tidak dapat dinafikan lagi. Jadi Poerbatjaraka membuat kesimpulan bahawa penyebaran cerita Panji berlaku pada zaman Majapahit dan zaman selepas kejatuhannya.

Walaupun Poerbatjaraka menolak pendapat C.C Berg, Abd. Rahman Kaeh pula berpendapat berkemungkinan cerita Panji telah ada dan tersebar semasa ekspedisi Pa-Malayu adalah sesuatu yang tidak mustahil. Baginya cerita Panji mungkin telah ada dalam tradisi Jawa Kuno di dalam bentuk lisan dan Wayang

⁴² C.C Berg; op.cit;hal.91

Gedog. Apabila ekspedisi itu dilakukan mereka membawa bersama-sama cerita-cerita tersebut keluar dari wilayah Jawa.

Th Pigeaud pula meletakkan cerita Panji di dalam tahap perkembangan kesusasteraan Jawa-Bali iaitu pada kurun yang ke-16 di mana raja Majapahit yang terdesak oleh kuasa baru iaitu Islam telah melarikan diri ke Bali. Kebudayaan kraton Jawa dibawa bersama-sama mereka dan dengan ini cerita Panji mula tersebar. Hal ini dinyatakan di dalam bukunya, *Literature of Java*:

"...about 1500 AD the last Majapahit King ousted from his Royal residence by Muslim insurgents fled eastwards and found a refuge in Bali."⁴³

Bagi beliau pada masa kegemilangan kesusasteraan Pasisir Jawa, cerita-cerita Panji telah tersebar dengan luas sehingga ke Nusantara dan Hindia Belakang.

" In the flourishing period of the Javanese Pasisir culture, in the sixteenth and seventeenth centuries, Panji romances were widely spread over the Archipelago and the coasts of Further India."⁴⁴

⁴³ Th. Pigeaud; op.cit; hal.5

⁴⁴ ibid. hal.207

Pigeaud meletakkan tarikh penciptaan dan penyebaran cerita Panji pada tahap ini kerana menurutnya, cerita-cerita itu ditulis berdasarkan kepada tradisi kebudayaan kraton Jawa tetapi pengarang tidak lagi mempunyai pengetahuan yang luas tentang sejarah dan geografi Jawa.

" The Javanese-Balines Panji romances suggest, by their contents, that the poets was a Court with Javanese traditions, but without an exact social background of the knowledge of the history and the geography of Java."⁴⁵

Beliau juga menolak tanggapan bahawa kemungkinan cerita-cerita Panji dicipta lebih awal dengan alasan raja-raja Bali dan para pembesarnya sebelum itu masih mempunyai hubungan yang utuh dengan pemerintah Majapahit. Di dalam hal ini beliau menegaskan;

"On account of these facts it seems impossible to date the Javanese-Balinese Panji romances in an early period, or even as late as the seventeenth century, for probably at that time Balinese Kings and noblemen still had connections with East Javanese local rulers, and some solid knowledge of things Javanese still must have prevailed."⁴⁶

Harun Mat Piah dalam hal ini mempertikaikan pendapat Poerbatjaraka tentang garis asas penciptaan cerita Panji yang dikatakan sama atau sesudah

⁴⁵ ibid.hal.208

⁴⁶ ibid.

Pararaton. Baginya sebagaimana teks-teks klasik yang lain, tentunya cerita-cerita ini telah dikenal secara lisan sebelum ditulis.

Ini diperkuatkan lagi dengan alasan tiada bukti yang kukuh yang mengatakan cerita-cerita itu telah dicipta menurut **Pararaton** atau adanya bahagian-bahagian tertentu cerita tersebut yang diambil dan diselitkan ke dalam cerita Panji. Namun begitu pendapat Pigeaud juga tidak boleh diterima secara mutlak kerana kehadiran pengaruh kesusasteraan dan kebudayaan Jawa di dalam kesusasteraan Melayu pada abad yang ke 15M tidak dapat dinafikan.

Sebenarnya adalah sukar untuk menentukan tarikh penciptaan cerita-cerita Panji asli di Jawa. Ini berlaku kerana seseorang pengkaji perlu mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam tentang sejarah dan kebudayaan masyarakat Jawa sebelum dapat menyimpulkan andaian-andaian tertentu. Harun Mat Piah dalam hal ini mengambil jalan tengah dengan meletakkan kemungkinan zaman cerita-cerita ini dicipta ialah pada 1350M - 1400M, "iaitu meliputi zaman kegemilangan Majapahit, semasa Hayam Wuruk dan Gajah Mada seperti pendapat Poerbatjaraka dan Rassers hingga akhirnya kepada pemahatan babak **PKS** pada "relief" yang disebut oleh Stutterheim itu."⁴⁷ Dari kesimpulan ini, dapat dibuat andaian bila berlakunya penyebaran keluar cerita Panji ke Nusantara dan Asia Tenggara iaitu pada 1350M - 1400M dan selepasnya.

⁴⁷ .Harun Mat Piah;op.cit;hal.24

Satu persoalan yang lebih menarik dan penting dalam kajian ini ialah bagaimana penyebaran cerita-cerita Panji dari alam Jawa ini berlaku dan sejauhmanakah kesannya terhadap kesusasteraan Nusantara? Di dalam kesusasteraan Melayu, didapati telah ada naskah-naskah cerita Panji yang disebut oleh Francois Valentijn (1726M) dan Werndly (1736M).

Valentijn⁴⁸ (1726) di dalam bukunya **Oud En Nieuw-Oost-Indien** (jil.v)
(Misa Kumintar) menyebut sebuah cerita Panji yang dimilikinya iaitu **Misa Gomintar**. Sementara Werndly menyenaraikan beberapa naskah cerita Panji di dalam kamus terbitannya **Maleische Spraakkunst; Uit De Eige Schriften der Maleiers** iaitu:

1. Hikayat Raja Kuripan
2. Hikayat Raja Tambak Baya
3. Hikayat Rangga Rari
4. Hikayat Misa Taman
5. Hikayat Carang Kulina
6. Panji Nila Kesuma
7. Misa Kumitar⁴⁹

Menurut Harun Mat Piah, tiga buah cerita yang pertama yang disebutkan oleh Werndly ini tidak lagi dapat ditemui dan ia mungkin merupakan fragmen dari cerita-cerita Panji yang lebih besar seperti **Dewa Asmara Jaya**, **Hikayat Chekel Waneng Pati** dan **Hikayat Rangga Arya Kuda Nestapa**. Walaupun begitu,

⁴⁸ .Valentijn.F.1726 **OudEn Nieuw Oost-Indien**. Dordrecht. Amsterdam.

⁴⁹ .Werndly.1736.**Maleische Spraakkunst: Uit De Eige Schriften Der Maleiers**. Gedrukt by R.en.G.Wetstein.hal.343-357.

R.O Winstedt telah meletak suatu andaian bahawa cerita Panji telah mula dikenali di dalam kesusasteraan Melayu pada abad yang ke 15M.

"And the earliest Malay redactions must have been known in fifteenth century Malacca or they could not have coloured the Malay Annals with its tales of Chandra Kirana and Sultan Mansur, of demands of fairy princess of Gunung Ledang and of the adventures of Hang Tuah at Majapahit."⁵⁰

Walaupun banyak persoalan yang boleh diperdebatkan daripada kenyataan R.O Winstedt ini, terutamanya alasan-alasan yang diberikannya itu; namun dari satu segi, pendapatnya itu tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Ini kerana memang wujud unsur-unsur bahawa dan budaya Jawa di dalam karya-karya tersebut.

Perkembangan wayang kulit dan juga tradisi lisan amat berpengaruh di dalam masyarakat Melayu. Oleh itu, walaupun cerita-cerita Panji bertulis belum dapat dinikmati oleh masyarakat ketika itu, sudah pasti ada kemungkinan ia di bawa secara lisan mahupun dalam bentuk pementasan Wayang Gedog. Ini sesuai dengan pendapat Poerbatjaraka yang menyatakan bahawa:

"Tetapi sayang terjadinya penyebaran itu sebahagian besar dari mulut ke mulut secara lisan. Makanya dapat difahami mengapa cerita yang satu jauh berbeza dari yang lain."⁵¹

⁵⁰ .R.O Winstedt (1991);op.cit;hal.39-40

⁵¹ .Poerbatjaraka;op.cit;hal.440

Di Kelantan pula misalnya terdapat cerita **Lalat Hijau dan Panji Angrene** yang disampaikan secara lisan. Selain itu wayang kulit juga memainkan peranan yang amat besar di dalam penyebaran dan perkembangan cerita-cerita Panji di Tanah Melayu. Di dalam eseinya "**A Panji Tale From Kelantan**", R.O. Winstedt ada menyebut bahawa penerbit '**Kuda Semirang Sri Panji Pandai Rupa**' menyatakan dan menyenaraikan 14 buah cerita Panji lain iaitu:

1. Hikayat Cekel Waneng Pati
2. R_mpi Emas Radin Inu Kertapati Bernama
Misa Kemirir Kesoma Lara Sri Panji Agong
Asmara dan Radin Galoh Chandra Kirana
Menjadi Laki-laki Bernama Ratu Enum
(Anum?) Merta Wangsa Kesuma Perwira Puspa.
Ningrat Nila Kencana Maring Kayangan.
3. Charang Klinan Kalang Bungk-ng
4. Misa Kiamang
5. Idan Wong Gendis Sri Panji Turut Tangis
6. Misa Supan
7. Misa Jayeng Kesuma
8. Naga Berseru
9. K_di Jayeng Kesuma
10. Ariani Radin Galuh Chandra Kirana Dua
dan Radin Inu Perang Tandingan
11. Cengkil Kerti Kesuma atau Panji Tergadai
12. Kira (Kuda?)M_ng Panji Wiwahan
13. Chengkil Waneng Sari
14. Galoh Di Tigas⁵²

⁵² R.O Winstedt. 1949."A Panji Tale From Kelantan" **JMBRAS**
jil.xxii.pt.1.hal.53-54

Daripada jumlah cerita Panji yang disenaraikan ini, dapat dilihat betapa besarnya peranan wayang kulit dalam penyebaran cerita-cerita tersebut di alam Melayu. Kemungkinan cerita-cerita ini merupakan variasi ataupun fragmen-fragmen dari cerita yang lebih besar memang tidak dapat dinafikan. Umapamanya dari judul-judul yang diberikan di atas seperti **Charang Klinan Kalang Bungk_ng** dan **Chengkil Waneng Sari** mungkin merupakan fragmen dari cerita-cerita **Hikayat Carang Kulina**, **Hikayat Misa Susupan**, **Hikayat Misa Taman Jayeng Kesuma** dan **Hikayat Chekel Waneng Pati**.

Terdapat pelbagai faktor yang mungkin menjadikan cerita-cerita Panji ini begitu popular dan diminati oleh masyarakat luar daerah Jawa. Faktor-faktor tersebut pada umumnya dapat dipecahkan kepada dua bahagian besar iaitu faktor dalaman (teks) dan faktor luaran (politik, sosial dll) yang membantu ke arah penyebaran dan perkembangannya itu.

(a) Faktor Dalaman (Teks Cerita Panji)

Dari satu segi cerita Panji membawa tema mengenai percintaan suci yang terpaksa melalui pelbagai halangan dan rintangan sebelum kebahagiaan dapat tercapai. Unsur cinta memang sesuatu yang lumrah ditemui di dalam diri manusia dan unsur 'happy-ending' di bahagian akhir cerita Panji pula akan dapat memuaskan hati dan perasaan pembaca, menjadikan cerita ini mudah diterima oleh masyarakat luar Jawa. Dalam kata lain tema yang bersifat universal itu memang wujud di dalam

semua budaya menjadikannya salah sebuah cerita yang menarik dan menjadi satu alternatif pilihan selain cereka-cereka yang telah wujud di dalam masyarakat tempatan itu sendiri.

Kesejagatan tema cerita-cerita Panji dengan cerita-cerita lain umpamanya cerita lipurlara Melayu dan roman hikayat, membolehkan pengarang-pengarang Melayu mengambil bahagian-bahagian tertentu cerita-cerita itu, mengolahnya semula secara kreatif untuk diadaptasikan dengan suasana dan kehendak masyarakat tempatan. Umpamanya masyarakat Melayu yang memang telah sebatи dengan tema cinta di dalam cerita lipurlara amat mudah menerima cerita-cerita Panji tersebut. Ini kerana kedua-duanya memiliki banyak persamaan yang ketara. Percintaan di dalam kedua-dua genre tersebut mendapat halangan dan hanya apabila berjaya melepassi rintangan-rintangan itu, watak-watak utama bertemu semula di dalam suasana kegembiraan dan hidup bahagia untuk selama-lamanya.

Tempat-tempat yang menjadi latar cerita-cerita Panji adalah berkisar di beberapa buah negeri di Jawa. Ini berbeza dari kebanyakan cerita-cerita saduran Hindu seperti **Ramayana** dan **Mahabharata** yang banyak berkisar tentang alam kayangan. Begitu juga cerita-cerita lipurlara Melayu dan roman-roman hikayat yang tidak mementingkan kerealitian latar. Sebaliknya cerita-cerita Panji melukiskan latar tempat dan masyarakat yang benar-benar wujud dan dapat dikesan di dalam sejarah. Ini membolehkan masyarakat luar yang membaca atau mendengar cerita-cerita tersebut mengimajinasikannya. Malah mereka juga dapat menerimanya sebagai

sesuatu yang rasional. Secara tidak langsung ia dapat mengukuhkan minat mereka terhadap cerita tersebut dan faktor ini tanpa disedari ataupun tidak telah membantu penyebaran cerita Panji.

Satu lagi keistimewaan cerita Panji ialah ia tidak terlalu menekankan hanya kepada unsur-unsur peperangan dan keperwiraan seperti yang wujud di dalam **Hikayat Hang Tuah** atau **Damar Wulan** (unsur ini jugalah yang mungkin menjadi salah satu faktor mengapa **Hikayat Hang Tuah** dan **Damar Wulan** tidak sebegitu popular di kalangan masyarakat luar sebagaimana cerita Panji ini.) Unsur peperangan yang terdapat di dalam cerita Panji juga tidaklah digambarkan secara historis seperti yang dilukiskan di dalam cerita-cerita Jawa yang lebih awal, umpamanya **Pararaton** dan **Babad Tanah Jawi**. Kisah yang terkandung di dalam cerita Panji lebih berkisar tentang perasaan manusia yang dapat menyentuh naluri manusiawi khalayak.

Cerita-cerita Panji ini juga tidak menekankan atau membawa doktrin keagamaan atau unsur-unsur ideologi sakral seperti kebanyakan cerita Jawa lainnya, umpamanya **Kakawin Arjuna Wiwaha** dan **Kakawin Bharatayuddha** yang merupakan siklus dari cerita-cerita **Ramayana** dan **Mahabharata**. Masyarakat luar (bahkan masyarakat Jawa sendiri) lebih mudah menerima penulisan-penulisan yang berbentuk cureka yang tidak menekankan sifat-sifat atau fungsi-fungsi sakral. Masyarakat tradisi Nusantara juga mungkin lebih menganggap cerita-cerita Panji sebagai hiburan selain

mengandungi tujuan-tujuan ajaran moral, bukannya bersifat propaganda bagi mengagungkan dinasti tertentu.

Cerita-cerita Panji memang mempunyai nilai moral atau unsur didaktik yang terselit secara langsung maupun yang tersirat di dalamnya. Tujuan ini telah dibuktikan melalui kajian-kajian para sarjana seperti yang telah dilakukan oleh Abd. Rahman Kaeh terhadap **Panji Narawangsa**.⁵³ Kepentingan tujuan pendidikan juga dapat dilihat pada permulaan **Hikayat Panji Semirang**;

"Diceritakan hal keturunan dari kayangan ke dalam dunia itu tiada lain maksudnya; hanya akan menjadi kias dan ibarat saja supaya cerita ini elok dan bertambah."⁵⁴

Nilai-nilai moral yang wujud di dalam cerita-cerita Panji telah menjadi pendorong terhadap penerimaannya ke dalam budaya di kalangan masyarakat Nusantara, terutamanya bagi masyarakat yang mementingkan hasil kesusastraan sebagai alat penyampaian moral dan etika seperti masyarakat Melayu. Umpamanya melalui cerita ini masyarakat Melayu dapat mempelajari bahawa untuk mendapatkan sesuatu yang terbaik untuk kehidupan; manusia mestilah berusaha dengan gigih seperti kecekalan Inu mengembara mencari Galuh.

⁵³ .dalam kajian ini, Abd. Rahman Kaeh telah mengulas perihal pentingnya unsur moral dan pendidikan dalam masyarakat Jawa seperti yang tergambar di dalam teks-teks Panji.

⁵⁴ Noriah Mohamed :op,cit;hal.1

Unsur-unsur kejenakaan yang diselitkan di sepanjang episod-episod yang tegang dan suspen juga menjadi daya penarik untuk cerita ini diminati khalayak. Misalnya di dalam cerita-cerita tersebut diselitkan unsur-unsur kejenakaan terutamanya pada episod-episod yang menggambarkan gelagat dan perwatakan penakawan-penakawan Raden Inu. Babak-babak seperti ini dapat menenang dan melapangkan fikiran khalayak dan buat seketika melupakan penat lelah mereka bekerja, secara tidak langsung ia menjadi suatu alat 'escapism'.

Satu lagi unsur yang dominan di dalam cerita-cerita Panji ialah hadirnya unsur-unsur erotik yakni adegan-adegan kamar yang ketara. Hal ini berbeza sama sekali dengan cerita-cerita yang telah wujud di dalam masyarakat Melayu. Sikap orang Melayu yang lebih pemalu dan tidak terlalu terbuka berbanding masyarakat Jawa menyebabkan unsur-unsur erotik yang hadir di dalam karya-karya tradisi Melayu dilindungi dengan perlambangan-perlambangan tertentu, malah seringkali ditiadakan oleh pengarang.⁵⁵ Oleh itu tidak dapat dinafikan bahawa kehadiran unsur-unsur erotik di dalam cerita Panji menjadi suatu daya tarikan kepada khalayak.

⁵⁵ hal ini dapat juga lihat pada CPM, contohnya dalam **HAP**
“..maka tiadalah arif sebutkan halnya di dalam
peraduan itu, kerana maklum tuan-tuan sekalian halnya
orang baharu berpengantinan..”op.cit;hal.38

(b)Faktor Luaran

Kegemilangan dan kekuasaan empayar Majapahit memang merupakan suatu catatan sejarah yang besar. Empayar Majapahit menguasai hampir seluruh pelusuk Nusantara. Semasa kekuasaannya memuncak tentu kerajaan Majapahit telah cuba menyebarkan propaganda tentang keagungan dan kekuasaan mereka. Sewaktu mereka menakluki Nusantara, mereka turut membawa unsur-unsur kebudayaan Jawa seperti kesusasteraan Jawa (cerita Panji khasnya) sama ada yang berbentuk lisan menerusi medium-medium seperti Wayang Gedog, Wayang Topeng ataupun cerita-cerita lisan maupun tulisan yakni yang berbentuk manuskrip.

Pada masa yang lebih awal iaitu di zaman kegemilangan kerajaan Singasari (1222M - 1290M); telah diketahui bahawa adanya ekspedisi Pa-Malayu (1227M) dan ekspedisi Kertagama ke Bali. Semasa ekspedisi-ekspedisi penaklukan tersebut sudah tentu ada di kalangan tentera Jawa yang membawa cerita-cerita tentang keagungan raja-raja Jawa umpamanya cerita Panji ini.

Penyebaran keluar cerita Panji juga tidak hanya berlaku pada zaman kegemilangan kerajaan-kerajaan tersebut khasnya Majapahit. Sewaktu kerajaan Majapahit ditewaskan oleh kuasa baru yakni Islam pada 1500M, rajanya yang terakhir telah melarikan diri ke Bali. Baginda membawa bersamanya kebudayaan kraton Jawa yang terkenal dengan khazanah kesusasteraan itu. Pada masa inilah cerita-cerita

Panji itu telah disebarluaskan bagi mengingati dan mengangkat semula legenda serta keagungan raja-raja Jawa.

Sementara itu hubungan perdagangan antara kerajaan-kerajaan Jawa dan Nusantara memang telah wujud sejak sekian lama. Misalnya hubungannya dengan kerajaan Melayu Melaka dan Patani di Semenanjung Tanah Melayu. Pada abad yang ke 15, melalui catatan-catatan sejarah dan karya-karya kesusastraan dapat dikesan adanya pedagang-pedagang Jawa yang datang dan menetap di Melaka. Para pedagang itu pula telah berkahwin dengan gadis-gadis tempatan. Golongan ini juga berperanan membawa masuk kebudayaan Jawa termasuklah cerita-cerita Panji itu.

Selain itu, kedudukan geografi Tanah Melayu umumnya dan Melaka khasnya, yang terletak di tengah-tengah jalan perdagangan antarabangsa merupakan faktor yang menyebabkan terjadinya pertembungan kebudayaan Melayu dan kebudayaan-kebudayaan lain. Melaka sebagai pusat perdagangan secara langsung merupakan juga pusat pertukaran kebudayaan di Nusantara. D.R Dudley dan D.M. Lang di dalam buku **The Penguin Companion to Literature: Classical and Byzantine Oriental and African** menyebutkan;

" Malaya's geographical position on the central trade routes between the Middle and Far East has been reflected in the variety of cultural influences seen in the literature, especially from the Arabic speaking countries, Persia and India, Sumatra and Java and to a lesser extend China."⁵⁶

Faktor ini juga sesuai dengan andaian kebanyakan para sarjana seperti Poerbatjaraka, Rassers and Winstedt bahawa cerita Panji tersebar ke Hindia Belakang melalui medium bahasa Melayu. Oleh kerana Melaka menjadi pusat kegiatan perdagangan maka sudah tentu para pedagang dari Hindia Belakang membawa balik cerita-cerita Jawa-Panji di dalam bahasa Melayu ke negeri asal mereka. Poerbatjaraka memberi alasan ini berdasarkan kepada perubahan sebutan beberapa perkataan tertentu seperti Inu dan Kertapati yang menunjukkan perubahan dari tulisan Jawi-Melayu انو (Inu/Ino/Eynao) dan كرتقني (Karat Patti - Panji Kemboja)

⁵⁶ D.R Dudley.D.M.Lang.1969. *The Penguin Companion to Literature, Classical and Byzantine, Oriental and African* Penguin Books.Harmondsworth.hal.277

Di dalam kajian terhadap **Hikayat Patani**, A. Teeuw ada memetik catatan Peter Flores tentang hubungan perdagangan Patani dengan negara-negara luar.

"...when Peter Flores lived for some time in Patani in the years 1612-13M, he observed that Patani was trading with virtually the whole of Southeast Asia, with ships arriving from and departing for Ayutthaya, Brunei, Jambi, the North coast parts of Java, Makasar and the Moluccas, China, Japan, Cambodia and Sumatra..."⁵⁷

Daripada kenyataan A.Teeuw ini dapat diandaikan bahawa Patani juga merupakan menjadi sebuah pusat pertukaran kebudayaan seperti Melaka di zaman kegemilangannya. Malah berdasarkan petikan ini jugalah Rattiya Salleh telah menolak kemungkinan penyebaran cerita Panji ke Thai (terutamanya ke Ayutthaya) melalui hubungan diplomatik Siam Melaka. Baginya 'Siam' yang dimaksudkan di dalam karya-karya kesusasteraan Melayu mungkin hanya meliputi wilayah Patani sahaja. Rattiya juga menyatakan bahawa cerita Panji mungkin di bawa ke Ayutthaya secara langsung oleh orang Jawa yang tinggal di Patani. Alasannya perempuan Islam yang disebut sebagai 'Yai Yavo' yang membawa cerita-cerita Inao ke istana Raja Brammakot sebenarnya adalah Nyai Jawa. Sementara bahan lakon yang dikatakan didapati daripada orang-orang Melayu adalah dari Patani dan bukan Melaka.⁵⁸

⁵⁷ .A.Teeuw.1970.**Hikayat Pattani: The Story of Patani**.jil.1
The Hague.M.Nijhoff.hal.13

⁵⁸ .Rattiya;op.cit;hal.43

Faktor lain yang menyebabkan cerita Panji tersebar ke negara-negara Nusantara ialah keadaan sosial masyarakat yang menerima cerita Panji itu. Misalnya bagi Th. Pigeaud cerita Panji adalah lebih popular di Bali berbanding di tempat asalnya sendiri kerana keterhadan cerita-cerita fantasi di kalangan masyarakat Bali.

"Perhaps the reason why in Bali Panji romances developed more luxuriantly than in Java is the limitation of romantic phantasy to two or three cycles of tales: wayang purwa, Panji and minor stories.."⁵⁹

Penyebaran cerita Panji berlaku di Nusantara ini ketika zaman peralihan Hindu-Islam. Masyarakat tradisi ketika itu masih lagi meminati cerita-cerita yang berunsur fantasi berbanding kitab-kitab keagamaan. Kedatangan Islam tidak dapat membuang secara mutlak sekaligus kepercayaan-kepercayaan Hinduisme⁶⁰ dan animisme⁶¹ yang telah sekian lama berakar umbi di dalam masyarakat Nusantara. Oleh kerana itulah masyarakat Nusantara boleh menerima cerita-cerita Panji tersebut walaupun setelah pengaruh agama Islam bertapak di sini. Ini diperkuatkan lagi oleh suasana masyarakat yang tidak mempunyai banyak pilihan untuk tujuan-tujuan hiburan.

⁵⁹ .Pigeaud;op.cit;hal.223

⁶⁰ .Pengaruh Hinduisme amat sukar dikikis kerana konsep ini bertapak kukuh terutamanya di kalangan bangsawan Nusantara sendiri; kerana konsep yang berlandaskan kepercayaan bahawa golongan raja merupakan jelmaan para dewa dari kayangan telah dapat mengukuhkan kekuasaan mereka terhadap golongan rakyat.

⁶¹ . Masyarakat Melayu tradisi amat mempercayai kewujudan kuasa-kuasa ghaib yang dimiliki oleh objek/tempat tertentu. Kuasa-kuasa tersebut (shaman) mestи dihormati dan sentiasa digeruni oleh ahli masyarakat.

Selain itu migrasi juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya bagi membantu penyebaran kebudayaan Jawa terutamanya di Semenanjung Tanah Melayu dan Borneo. Di wilayah Tanah Melayu terdapat banyak penempatan orang-orang Jawa khasnya di Pantai Barat Semenanjung umpamanya di Johor, Selangor, Negeri Sembilan dan Perak. Lama sebelum ini, iaitu di zaman kesultanan Kerajaan Melayu Melaka juga telah wujud penempatan-penempatan seumpama itu. Amin Sweeney di dalam kajiannya **The Ramayana And Malay Shadow - Play** ada menyebut bahawa terdapat wayang kulit Jawa yang mengambil episod-episod cerita Panji dan **Mahabharata** dimainkan oleh imigran-imigran Jawa ini.

"The wayang kulit Jawa is performed in West Johore and Selangor by first and second generation immigrants from the Ponorogo and Madiun districts of Java,...and is the Javanese Wayang Purwa. It is performed in Javanese and attracts only Javanese...the wayang kulit Java which presents only episodes from the Panji and Pandawa cycles."⁶²

Lanjutan daripada kenyataan Amin Sweeney ini juga dapat dilihat bagaimana besarnya peranan yang dimainkan oleh imigran Jawa, sekaligus wayang kulit Jawa bagi menyebarkan cerita Panji diseluruh pelusuk Nusantara. Dalam satu kenyataan lain yang dibuat oleh Peter Flores ketika menetap di Patani, beliau menyatakan bahawa pihak istana Patani telah mempersembahkan satu episod cerita Jawa ketika Sultan pahang melawat negeri itu pada 1612M.⁶³ Mubin Sheppard

⁶² .A.Sweneey.1972.**The Ramayana and Malay Shadow-Play.**
UKM.Bangi.hal.3-4

⁶³ . A.Teeuw; op.cit; hal.257

menganggap persembahan tersebut kemungkinan besar adalah Mak Yong kerana semua pelakonnya terdiri daripada wanita sahaja.

"Peter Flores attended a banquet given by the Queen of Patani in honour of the visit of the Sultan Pahang in 1612, at which "there was playde a commedye all by women, to the manner of Java, which were apprelled very antickly, very pleasant to beholde". this probably refers to a Ma'yong performance.⁶⁴

Di Kemboja pula umpamanya, Po Dharma⁶⁵ dalam satu catatannya pernah menyebut bahawa orang-orang Melayu di Campa disebut sebagai Jawa. Dalam hal ini orang-orang Kemboja memberi tafsiran yang sama terhadap imigran dari Tanah Jawa, Sumatera dan juga dari Semenanjung Tanah Melayu.

"...Ada tiga kumpulan orang Melayu di negeri ini:- **Jva Krapi**: bermakna Jva Kerbau yang bererti orang Melayu berasal dari Sumatera, mereka terdiri dari orang Aceh dan Minangkabau. **Jva Iyava**: bermakna mereka berasal dari Pulau Jawa. -**Jva Melayu**: bermakna mereka berasal dari Semenanjung Melayu.⁶⁶

⁶⁴ .Mubin Sheppard.1986. **A Royal Pleasure Ground.Taman Indera.** Oxford University Press. Singapore.hal.58

⁶⁵ .Po Dharma. 1989. **Catatan Tentang Orang Melayu Di Indocina. Kuliah Budaya KKPM** pada 30.11.89 di Universiti Malaya KL. (Belum diterbitkan)

⁶⁶ .ibid.hal.9

Sudah pasti masyarakat Melayu Jawa ini mempunyai peranan yang aktif dalam penyebaran secara langsung cerita Panji di Kemboja sama ada secara lisan mahupun tulisan. Walaupun banyak sarjana awal yang bersetuju kemasukan cerita ini ke Kemboja melalui medium tulisan, namun begitu medium lisan juga tidak boleh diabaikan kerana telah terbukti oleh sejarah bahawa orang-orang Melayu-Jawa pernah berdagang dan menetap di sepanjang pantai Kemboja.

Selain daripada faktor-faktor di atas, pihak istana juga banyak menyumbangkan peranan bagi membantu penyebaran cerita-cerita Panji ini. Misalnya kebanyakannya naskah cerita Panji yang tersimpan di perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka adalah milik istana Kedah dan Kelantan. Hal ini mungkin boleh dikaitkan dengan tradisi sastera tulisan dalam perkembangan kesusasteraan Melayu yang merupakan sastera istana. Oleh kerana hanya pihak ini sahaja yang mampu mengupah penyalin-penyalin untuk mengabadikan cerita-cerita itu, maka banyaklah cerita-cerita Panji yang menjadi milik mereka.

Dalam contoh sebelum ini misalnya, pihak istana Patani meraikan lawatan Sultan Pahang dengan persembahan Mak Yong. Peranan pihak istana Thai dalam hal ini lebih ketara lagi kerana mereka terlibat secara langsung di dalam kerja-kerja penyalinan dan mengalih bahasakan cerita-cerita Panji ke dalam bahasa Thai. Hal ini boleh dilihat dari kenyataan Putera Dhani Nivat yang menyatakan;

“..the epic Inao was brought in by Yai Yavo, a Muslim woman, to Ayutthaya and then translated from Javanese into Siamese by Prince Chau Kasatri for presentation on the stage.”⁶⁷

Di Kelantan pula umpamanya, kebanyakan dalang-dalang yang memainkan Wayang Kulit adalah di bawah naungan pihak istana. Amin Sweneey pernah menyebut bahawa “the wayang kulit Java was primarily an entertainment for aristocrat and only thrived under their patronage”⁶⁸ Beliau juga menyebut tentang dalang-dalang Wayang Kulit Jawa, Demukmin (Abdul Mukmin) dan Ibrahim yang dihantar ke Jawa untuk mempelajari kesenian itu pada zaman Sultan Mohammed I (1800-35).⁶⁹

Patricia Matusky dalam sebuah kajiannya juga ada menyentuh mengenai perkara ini;

“The Wayang Kulit Melayu, also known as the Wayang Jawa, is strongly influenced by the Javanese Wayang Kulit Purwa. This type of shadow play once flourished under royal patronage and existed as entertainment only for aristocrats in the northern Malay Sultanates of Kedah, Kelantan and formerly, in Patani of present-day southern Thailand.”⁷⁰

⁶⁷ .dipetik oleh Rattiya;op.cit;hal.43

⁶⁸ .Amin Sweneey;op.cit;hal.3

⁶⁹ .ibid.hal.21

⁷⁰ .Patricia Matusky. 1993. **Malaysian Shadow-Play and Music: Continuity of An Oral Tradition.** Oxford University Press.K.L.hal.9

Perbincangan-perbincangan di atas menunjukkan terdapat banyak faktor

yang menyebabkan cerita-cerita Panji telah tersebar dengan meluas di Nusantara.

Cerita-cerita Panji ini sebenarnya telah mengalami pelbagai proses kebudayaan,

memainkan peranan yang berbeza di dalam masyarakat tertentu di Nusantara.

Umpamanya di Selatan Thailand iaitu di Patani-Yala dan Narathiwat, Wayang Jawa

atau Wayang Melayu hanya dimainkan kini untuk tujuan menyempurnakan nazar-

nazar atau melepaskan angin nenek moyang. Begitu juga ia mempengaruhi bidang

seni lukis seperti yang dibuktikan oleh Putera Damrong Rachanuphap. Beliau

menyebut tentang sebuah lukisan yang berunsur Panji di dinding istana kerajaan

Rathana Kosin.⁷¹ Di dalam kesusastraan Melayu mahupun Thailand didapati

bentuk prosa cerita Panji telah diubah ke dalam bentuk-bentuk puisi - syair dan 'klon

bot lakhon'.

⁷¹ iibid.hal.46.